

# Ikan bergigi seperti manusia ditemui di Amerika Syarikat

SH 11/8/2014 Ms. 14

FOTO: AGENSI

**WASHINGTON** - Seekor ikan pelik yang mempunyai gigi mirip manusia berjaya ditangkap di Amerika Syarikat (AS) sekali gus menjadi tular di media sosial.

Spesies ikan itu ditangkap oleh seorang pemancing dari Jennette's Pier, iaitu lokasi memancing terkenal di Nag's Head, Carolina Utara.

Ikan misteri itu kemudian dikenal pasti sebagai ikan sheepshead, yang mempunyai barisan gigi seakan-akan manusia dan



hidup dalam air masin.

Ikan terbabit berjaya dipancing oleh Nathan Martin sebelum dia berkongsi hasil tangkapannya di Facebook.

Martin berkata, dia terkejut apabila memperoleh ikan mempunyai barisan gigi mirip manusia yang belum pernah dilihatnya sebelum ini.

"Ikan ini memberikan daya melawan yang menakjubkan apabila menggunakan joran.

"Ia adalah tangkapan terbaik

saya selain mempunyai isi yang sedap," kata Martin memberitahu *McClatchy News*.

Sementara itu, Jabatan Kualiti Alam Sekitar AS menyatakan ikan berkenaan biasa ditemui sepanjang tahun di perairan pantai Carolina Utara dan kawasan berair payau serta kawasan berbatu.

Difahamkan, ini bukan kali pertama spesies ikan bergigi seperti manusia ini ditangkap.

Terdapat spesies ikan lain mempunyai gigi sama iaitu ikan pacu yang ditemui di Amazon, Brazil. - Agensi



Ikan sheepshead yang berjaya dipancing di Carolina Utara.